



## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

<b>KATEGORI PRODUK</b>	<b>TEMPAT PERTAMA</b>
------------------------	-----------------------

**PROJEK: Kejora Smart Cool**  
**FASILITI: Hospital Tampin, Negeri Sembilan.**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH/KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Demam ialah suatu tindak balas normal badan terhadap sebarang bentuk jangkitan kuman atau penyakit tertentu. <b>Suhu badan yang normal adalah 37°C (98°F)</b>. Jika lewat menurunkan suhu badan Kulit menjadi kemerahan kerana demam yang tinggi ini boleh menyebabkan kanak-kanak tidak sedarkan diri dan tiada tindakbalas. Mereka mungkin jatuh jika mereka sedang duduk/ berdiri pada masa itu. Otot badan menjadi keras. Mereka mungkin berhenti nafas dan warna kulit menjadi kebiruan. Bahagian tangan, kaki dan muka kejang, keras dan menggeletar. Mata terbeliak ke atas. Mereka mungkin membuang air kecil/ air besar pada masa itu. Imej hospital akan terjejas.</p>	<p>Berdasarkan data-data yang telah dikumpul dan dianalisiskan, kumpulan telah memilih tajuk projek kerana :-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Banyak prosedur terpaksa dibuat</li> <li>2. Membahayakan nyawa bayi</li> <li>3. Kanak-kanak boleh mendapat sawan</li> <li>4. Risiko kerosakan otak (meningitis)</li> <li>5. Kanak-kanak mungkin mengalami masalah pernafasan</li> <li>6. Memerlukan anggota yang ramai untuk melakukan prosedur.</li> <li>7. Anggota mengambil masa 57 minit untuk membuat mandi berjumuk atau tapid sponging pada bayi/kanak-kanak</li> </ol>	<p>Produk ini dihasilkan oleh bahan cecair garam bukit, ianya mudah di bawa ke mana-mana, tidak mengandungi bahan kimia yang menyakiti badan kita dan permukaan baju adalah anti bakteria.</p> <p>Fungsi utama baju sejuk <b>Kejora Smart Cool (KSC)</b> ialah mengurangkan kepanasan badan yang disebabkan demam panas.</p> <p>Baju ini juga boleh menolong mengurangkan sakit-sakit sengal. Baju sejuk <b>Kejora Smart Cool (KSC)</b> ini tidak boleh dijemur di bawah matahari dan perlulah dijauhi daripada benda tajam.</p>	<p>Menyelesaikan Kelewatan menurunkan demam panas pada bayi/kanak-kanak di wad Hospital Tampin.</p> <p>Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan kerja menjadi lebih bersistematik, efisien, efektif dan mudah digunakan.</p> <p>Petugas merasa selesa dan berpuashati kerana <b>KSC</b> memudahkan penyimpanan dan menjimatkan masa serta tenaga.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kos Operasi dapat diijamatkan</li> <li>2. Dengan KSC masa diambil hanya 14 minit pengurangan sebanyak 43 minit bagi seorang pesakit</li> <li>3. Meningkatkan kualiti kerja kerana kerja lebih cepat, mudah dan tidak perlu melakukan prosedur yang banyak dan boleh digunakan juga di rumah.</li> <li>4. Penggunaan KSC ini tidak mendatangkan kesan sampingan kepada bayi dan anggota.</li> <li>5. Apabila anggota telah mengetahui cara-cara menggunakan <b>KSC</b> dengan selamat ia dapat meringan beban kerja kakitangan dan kakitangan tidak perlu lagi risau tentang kelewatan menurunkan demam panas pada bayi dan kanak-kanak.</li> <li>6. Dapat mengelakkan demam panas menjadi lebih teruk dan tinggi bagi mengelakkan kekejangan, kerosakan pada otak dan kecacatan pada bayi dan kanak-kanak.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Naib Johan KIK JKN NS</li> <li>2. Emas MPC Zon Selatan</li> <li>3. No 3 SUK NS</li> <li>4. Saguhati KIK KKM</li> <li>5. Johan Inovasi KKM 2016</li> <li>6. 3 Bintang, Top 10 MPC Kebangsaan</li> <li>7. Layak Ke Konvensyen ICQCC Filipina 2017</li> </ol>	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>



## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

<b>KATEGORI PRODUK</b>	<b>TEMPAT KEDUA</b>
------------------------	---------------------

**PROJEK: MoFT (Mobile Fly Trap)**

**FASILITI: Pejabat Kesihatan Kawasan Kudat, SABAH**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH/KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Antara fungsi utama Unit RKPBV, Pejabat Kesihatan Kawasan Kudat adalah Bahagian Entomologi &amp; Pest yang menjalankan penyiasatan Entomologi terhadap kawalan vektor dan pest. Nama kumpulan 2novasi ialah Kumpulan Sinar yang terdiri daripada pelbagai jawatan. Tumpuan utama 2novasi ini adalah untuk menghasilkan suatu produk yang lebih baik daripada perangkap lalat sediada serta dapat memberikan impak maksima dan liputan penggunaan yang lebih meluas dalam aktiviti kawalan lalat di Kudat, Sabah dan Malaysia.</p>	<p>Perangkap lalat yang terdapat di pasaran dan sediada digunakan mempunyai beberapa kekurangan seperti saiz yang besar, menggunakan tenaga elektrik serta produk pakai buang yang akan melibatkan kos ulangan. Walaupun perangkap sediada mengurangkan masalah lalat di lokaliti kawalan namun masih terdapat kekurangan dari segi fizikal dan pelaksanaan menyeluruh. Ini disebabkan saiz yang besar dan berat yang memerlukan ruang dan tenaga yang lebih untuk pemasangan dan penyimpanan.</p>	<p>Projek MoFT telah dijalankan pada bulan Januari 2015. MoFT diperbuat daripada gentian kaca dan plastik untuk memerangkap lalat dewasa. Mempunyai 2 komponen utama sahaja iaitu badan dan tapak. Ciri-ciri warna dan perangkap tanpa kuasa elektrik amat dititikberatkan. Hasil Kajian Perbandingan yang dijalankan antara perangkap lalat sediada dan MoFT juga mendapati tiada perbezaan yang ketara daripada segi kebolehan memerangkap lalat malah purata tangkapan MoFT adalah lebih tinggi.</p>	<p>Penghasilan MoFT adalah lebih mesra pengguna, hanya dengan satu 'klik' perangkap lalat ini sedia digunakan. Perbandingan antara MoFT dan perangkap lalat sediada menunjukkan ia juga lebih ringan (pengurangan berat 93%) dengan saiz yang lebih kecil (pengurangan saiz 96%) seterusnya menjadikan MoFT mudah dikendalikan.</p>	<p>Faedah penciptaan MoFT bukan sahaja untuk menambahbaik perangkap lalat sediada tapi MoFT berupaya menjadi radas untuk mengukur indeks lalat di sesuatu lokaliti yang belum menjadi infestasi serangga ini. Ini dapat dibuktikan melalui kajian-kajian yang telah dijalankan dalam penghasilan MoFT. Ciri nilai tambah ini membolehkan MoFT berfungsi 2 dalam 1, iaitu sebagai perangkap dan radas pengukur indeks lalat yang baru. MoFT juga berupaya berfungsi ke tahap yang paling maksima dan secara tidak langsung masalah kawalan dapat diatasi pada peringkat yang lebih mikro.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Anugerah Khas Juri, Pertandingan Inovasi Peringkat JKN Sabah 2015.</li> <li>2. Naib Johan Kategori Produk, Anugerah Inovasi KKM 2016.</li> </ol>	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

**KATEGORI PRODUK**

**TEMPAT KETIGA**

**PROJEK: Fastleen Gauze Roler**

**FASILITI: Pejabat Kesihatan Pontian**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH/KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Alat ini direka khas bagi mempercepatkan prosedur "prepaking gauze" yang sebelum ini proses untuk menghasilkan gauze yang siap dilipat kepada saiz 7.5 cm x 7.5cm mengambil masa yang lama dilakukan secara manual dengan teknik yang berbeza-beza mengikut kemahiran individu.</p> 	<p>gauze-gauze yang diterima dalam bentuk pukal dari stor adalah bersaiz 90cm lebar x 90m panjang, gauze tersebut perlu dilipat dan dipotong sebesar 8 inci dan dilipat menjadi saiz 7.5 cm panjang x 7.5 cm lebar, ianya memerlukan masa anggota sebanyak 6 jam 31 minit untuk menghabiskan segulung gauze. Pemotongan dan penglipatan gauze tersebut dilakukan oleh Pembantu Perawatan Kesihatan di antara waktu bekerja dengan menggunakan tangan dan gunting</p> <p>KEADAAN SEBELUM :</p> 	<p>Sebuah alat direka khas untuk membantu melipat dan menggulung gauze secara cepat. Gauze akan digulung menggunakan kuasa motor dan dikawal kelajuannya menggunakan 'pedal controller', segulung gauze dipasangkan pada besi yang disediakan dan hujung helaian gauze dilipat secara manual menggunakan tangan dan kemudian dilekatkan ke bahagian yang akan menampung gulungan gauze yang telah siap dilipat, pergerakan proses menggulung ini menggunakan kuasa motor dan seorang anggota hanya menekan 'pedal controller' sambil mengawal kekemasan lipatan gauze</p> 	<p>Dengan terhasilnya inovasi 'fastleen' ianya dapat menjimatkan masa pre-packing gauze. Keadaan ini dapat mengelakkan kejadian ketiadaan atau kekurangan bekalan gauze steril untuk melakukan prosedur</p>  	<p>Dapat menghasilkan satu sistem kerja yang sistematik, lancar dan mudah, anggota juga dapat menumpukan lebih masa dalam membantu aktiviti-aktiviti</p>   	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Johan Inovasi Produk Konvensyen Negeri Johor 2016.</li> <li>2. Anugerah Emas &amp; The Most Promising Innovative &amp; Creative Circle Mini Konvensyen Team Excellence Mpc Wilayah Selatan</li> <li>3. Johan Pembentangan QCC Karnival Hari Pekerja 2016</li> <li>4. Anugerah Pertandingan QCC/ICC/Team Excellence Anjuran Parlimen Pasir Gudang 2016</li> <li>5. Anugerah Emas Konvensyen Team Excellence Mpc Wilayah Selatan</li> <li>6. Anugerah Emas Team Excellence MPC Kebangsaan</li> <li>7. 10 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Annual Produktiviti &amp; Innovation Conference And Exposition (Apic)2016</li> <li>8. Tempat Kedua Konvensyen Sektor Awam Negeri Johor 2016</li> </ol>	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

**KATEGORI PERKHIDMATAN**

**TEMPAT PERTAMA**

**PROJEK: Star Wheelers**

**FASILITI: Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH/KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Pasukan liputan berbasikal "STAR WHEELERS" yang dianggotai oleh pelbagai jawatan dalam perkhidmatan KKM telah menjadi nadi dan punca kekuatan pasukan itu sendiri. Dengan sebuah pasukan yang terlibat daripada setiap lapisan jawatan telah menguatkan kumpulan ini yang masing-masing memainkan peranan dan kepakaran tersendiri. Ini juga bertepatan dengan fungsi jabatan kecemasan dan trauma itu sendiri yang perlu menyediakan rawatan awal terutama sekali rawatan merangkumi tahap ALS. Oleh itu, liputan perubatan berbasikal telah diwujudkan bagi menjalankan tugas yang telah diamanahkan ini. Pasukan liputan perubatan berbasikal "STAR WHEELERS" merupakan pasukan liputan perubatan berbasikal yang pertama di Malaysia yang ditubuhkan.</p>	<p>Berikut disenaraikan masalah-masalah yang dihadapi sebelum inovasi ini dilaksanakan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ambulans sukar untuk memasuki jalan jalan pejalan kaki yang sempit.</li> <li>2. Kemasukkan ambulans ke kawasan yang ramai orang boleh membahayakan orang ramai. Kecederaan mungkin berlaku.</li> <li>3. Masa yang diambil agak lama untuk ke lokasi kejadian memandangkan ambulans perlu mengosongkan laluan.</li> <li>4. Tidak mobil seperti pasukan berbasikal yang mudah untuk bergerak ke mana sahaja.</li> <li>5. Kos yang agak mahal: penggunaan minyak; kerosakkan ambulans.</li> </ol>	<p>Selama ini, liputan perubatan di kawasan yang berkepadatan tinggi telah menggunakan pasukan perubatan yang menaiki ambulans. Pasukan perubatan ambulans dilihat sangat sesuai dan mudah untuk memindahkan pesakit. Namun, tanpa mereka sedari, ambulans yang sedang bergerak mendatangkan bahaya pada orang awam yang berada di kawasan liputan tersebut. Ambulans juga agak kurang mobil untuk bergerak ke lokasi kejadian yang laluan sempit. Oleh itu, pasukan berbasikal dilihat cemerlang untuk digunakan dalam lokasi liputan yang berkepadatan tinggi seperti yang selalu diadakan di sekitar Kedah khususnya. Antara liputan yang dilihat sangat sesuai menggunakan basikal adalah dalam acara jogathon, marathons, merentas desa, dan sebagainya</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ahli pasukan liputan perubatan berbasikal "STAR WHEELERS" mudah untuk masuk ke lokasi walaupun laluan sempit.</li> <li>• Memendekkan masa respon.</li> <li>• Mobil, mudah ke lokasi kerana basikal sesuai dalam pelbagai trek muka bumi.</li> <li>• Mengurangkan risiko kemalangan dengan kenderaan lain dan melanggar peserta acara terlalu kurang yang menggunakan jalan yang sama.</li> <li>• Rawatan awal dapat dilakukan secepat mungkin.</li> <li>• Dapat mengosongkan laluan bagi ambulans dengan cepat.</li> <li>• Menyediakan rawatan peringkat ALS dengan segera</li> </ul>	<p>Pengurangan kos operasi.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahan Bakar Kenderaan.</li> <li>• Penggunaan Barangan Perubatan Pakai Buang. Penggunaan barangan perubatan pakai buang seperti sarung tangan getah, mask, Apron dll.</li> <li>• Penjimatan masa</li> <li>• Peningkatan tahap produktiviti</li> <li>• Peningkatan tahap kepuasan hati pelanggan</li> <li>• Penjimatan tenaga manusia.</li> </ul>  	<p>Juara Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan Kategori Perkhidmatan</p> <p>Tempat Kedua Pertandingan Inovasi Peringkat Hospital Sultanah Bahiyah</p> <p>Pengiktirafan Pihak Pengurusan Tertinggi JKN Kedah</p> <p>Pengiktirafan Pihak Pengurusan Istana Negeri Kedah.</p> 	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

KATEGORI PERKHIDMATAN	TEMPAT KEDUA
-----------------------	--------------

**PROJEK : 'C-Series' An Integrated Service Package For Diabetic Foot Ulcer**  
**FASILITI : Jabatan Perubatan Rehabilitasi, Hospital Sungai Buloh**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH/KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Perawatan melibatkan perbelanjaan yang tinggi kerana DFU mengambil masa yang lama untuk sembuh serta mempunyai risiko amputasi yang tinggi. DFU juga mengurangkan produktiviti pesakit serta memberi kesan negatif kepada ekonomi Negara kerana DFU menghadkan keupayaan pesakit untuk bekerja. Sebanyak 85% pesakit yang mengalami amputasi kaki terdiri dari mereka yang sebelumnya mempunyai DFU.</p>	<p>Perawatan pesakit DFU dilaksanakan secara tidak berstruktur menyebabkan kurangnya keberkesanan perkhidmatan. Kaedah pengurangan tekanan luka</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan peralatan-peralatan komersial yang melibatkan kos yang amat tinggi.</li> <li>- tidak mesra pengguna dan menghadkan aktiviti pesakit menyebabkan <i>non-compliance</i> pesakit terhadap perawatan DFU</li> </ul>	<p>Pakej perkhidmatan 'C-Series' adalah sesuai digunakan bagi pesakit yang baru di diagnos mahupun pesakit DFU yang kronik. Pakej ini terdiri daripada intervensi-intervensi komprehensif meliputi aspek berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b><u>C-Education:</u></b> Kaunseling mengenai penyakit diabetes, pentingnya perawatan diabetes yang optima, komplikasi penyakit diabetes, penjagaan kaki dan pemakaian kasut yang sesuai, dilakukan secara 'one to one' dan berkumpul (<i>support group</i>). Tayangan video mengenai kesan diabetes ke atas kaki serta penjagaan kaki yang betul disediakan di ruang menunggu klinik semasa pesakit dan penjaga menunggu untuk berjumpa doktor.</li> <li>2. <b><u>C-Reinforcement:</u></b> Penguatan pemahaman serta bagi rujukan semula pesakit dan penjaga mengenai diabetes dan penjagaan kaki menggunakan brosur kawalan diabetes, foot care demonstration, wound care dan footwear review.</li> <li>3. <b><u>Komponen C- Off loader:</u></b> Kaedah inovatif pengalihan luka tekanan (<i>offloading</i>) iaitu <i>C-Walker</i> dan <i>C-Insole</i>. Kedua –dua kaedah ini adalah hasil inovasi Jabatan Rehabilitasi Hospital Sungai Buloh.</li> </ol>	<p>Pakej perkhidmatan 'C-Series' telah berjaya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- meningkatkan pematuhan pesakit terhadap perawatan DFU</li> <li>- membantu proses penyembuhan luka dengan berkesan dan dapat mengelakkan amputasi</li> </ul>	<p><b><u>FAEDAH:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurangan kos operasi kerana tidak lagi bergantung kepada 'commercial offloader'</li> <li>- Penjimatan masa kerana pesakit tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan khidmat komprehensif perawatan DFU</li> <li>- Peningkatan tahap produktiviti kerana pesakit tidak perlu mengambil cuti untuk menghadiri klinik yang berbeza</li> <li>- Peningkatan tahap kepuasan hati pelanggan kerana pesakit dapat berjalan menggunakan C-offloader</li> <li>- Penjimatan tenaga manusia kerana tidak perlu peralatan atau tenaga kerja khusus.</li> </ul> <p><b><u>KELEMAHAN:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memerlukan komitmen yang tinggi daripada kakitangan Klinik Rehabilitasi bagi memastikan C- Series terus dijalankan di klinik Rehabilitasi</li> </ul>	<p><b>TEMPAT KEDUA ANUGERAH INOVASI 2016, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA</b></p>	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

**KATEGORI PERKHIDMATAN**

**TEMPAT KETIGA**

**PROJEK : Penambahbaikan Perawatan Pesakit Terlantar**

**FASILITI : Klinik Kesihatan Gunong, Bachok, Kelantan**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH/ KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Pesakit terlantar seperti <i>Cerebral Palsy</i> mengalami masalah keseimbangan dalam posisi duduk akibat dari kejang otot atau tonus otot abnormal. Keadaan ini menyebabkan pesakit sentiasa terlantar lama di rumah yang mengakibatkan komplikasi serius seperti <b>tiada keseimbangan badan posisi duduk</b>, kekerasan sendi atau <i>joint contracture</i> dan masalah pernafasan. Komplikasi pesakit CP yang terlantar ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekerasan sendi/ kejang otot</li> <li>• Kudis tekanan</li> <li>• Masalah paru-paru seperti pneumonia</li> <li>• Postur abnormal seperti scoliosis</li> <li>• Kawalan kepala dan badan lemah</li> </ul>	<p>Sebelum inovasi, kaedah rawatan menggunakan kaedah manual atau menggunakan alatan yang diimport dari luar negara. Kaedah manual rawatan untuk meningkatkan keseimbangan badan dibuat oleh ahli fisioterapi dan diajar kepada ibubapa/penjaga pesakit.</p> <p>Teknik manual tanpa menggunakan alat bantuan terdapat limitasi seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemulihan fizikal keseimbangan posisi duduk tidak dapat dilaksana dengan lebih berkesan.</li> <li>• Pemulihan perkembangan fizikal lambat.</li> <li>• Komplikasi abnormal postur seperti scoliosis.</li> <li>• Komplikasi paru-paru.</li> <li>• Risiko kudis tekanan.</li> </ul>	<p>Kumpulan telah mengadakan perbincangan dan membuat keputusan untuk melaksanakan <b>penambahbaikan pemulihan fizikal pesakit terlantar</b> menggunakan kerusi yang direka khas. Kerusi tersebut diberi nama '<i>Rehab Chair</i>'.</p> <p>Rawatan pemulihan fizikal menggunakan peralatan khas seperti kerusi khas boleh mengatasi masalah pesakit untuk meningkatkan keseimbangan duduk dan mengelakkan postur yang abnormal.</p> <p>Perlaksanaan dilakukan oleh fisioterapis di Unit Fisioterapi, Klinik Kesihatan Daerah Bachok, Kelantan. Pesakit yang hadir adalah dari rujukan doktor yang bermasalah lewat perkembangan fizikal. Perawatan di rumah pesakit terlantar juga dilaksanakan melalui lawatan ke rumah dalam program Domisiliari.</p> <p>Pesakit akan diposisikan di atas <i>Rehab Chair</i> sekurang-kurangnya 1 jam setiap sesi rawatan sebanyak 3 kali seminggu. Latihan senaman juga boleh dilakukan semasa pesakit berada di atas <i>Rehab Chair</i>. Bagi rawatan di rumah, <i>Rehab Chair</i> akan dibawa ke rumah pesakit. Ibubapa/penjaga pesakit akan diajar menggunakan <i>Rehab Chair</i> dan tunjuk ajar penggunaan dilaksanakan.</p>	<p>Dalam tempoh 6 bulan perawatan dilaksanakan, seramai 20 pesakit terlantar telah dirawat menggunakan kerusi khas didapati 18 pesakit (90%) peningkatan aktiviti dan mencapai kepuasan pelanggan. Pesakit menunjukkan keseimbangan dan postur yang lebih baik dalam pelaksanaan rawatan.</p>	<p>Kos peralatan diperlukan untuk kegunaan di organisasi dan pesakit terlantar di rumah.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Anugerah Inovasi Peringkat Kebangsaan KKM 2016 (Kategori Perkhidmatan)-tempat ketiga.</li> <li>2. Anugerah Cabaran Inovasi Inklusif Zon Pantai Timur 2016-tempat ketiga</li> </ol>	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016







<b>KATEGORI PROSES</b>	<b>TEMPAT PERTAMA</b>
------------------------	-----------------------

**PROJEK : Easy SBC Container**

**FASILITI : Klinik Kesihatan Kampung Gial, Perlis**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH/KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Hasil dari pemantauan data yang diperoleh pada tahun 2012/2013, peratus kerosakan sampel Serum Bilirubin Capillary (SBC) di Klinik Kesihatan Kampung Gial meningkat sebanyak 0.6% iaitu dari 2.0% (2012) ke 2.6% (2013).</p> <p>Untuk penambahbaikan proses pengendalian sampel darah SBC ini, satu inovasi yang dinamakan "Easy SBC Container" telah diperkenalkan dan dilaksanakan selama 10 bulan ( Oktober 2014 – Ogos 2015).</p> <p>Melaui inovasi ini juga, dihasilkan Garispanduan yang telah diaplikasikan sebagai Manual Prosedur Kerja di semua KKIA di negeri Perlis</p>	<p><b>Bekas penghantaran tiub kapilari sampel darah SBC yang besar</b> boleh menyebabkan kedudukan tiub kapilari di dalam bekas tersebut tidak stabil semasa proses penghantaran ke makmal. Ini boleh menyebabkan tiub kapilari tersebut pecah dan mengakibatkan sampel menjadi rosak.</p> <p><b>Ketiadaan label bekas penghantaran.</b> Keadaan ini akan menyebabkan boleh berlaku kekeliruan atau pertukaran sampel semasa pengendalian terutamanya jika beberapa sampel darah SBC diambil serentak.</p> <p><b>Aduan dan rungutan ibu bapa bayi.</b> Apabila sampel yang telah diambil diragui atau rosak, anggota kesihatan terpaksa mengulangi proses pengambilan sampel darah bayi yang terlibat. Ini menimbulkan ketidakpuasan hati dan rungutan ibu bapa bayi.</p>	<p>Dalam usaha untuk menghasilkan proses kerja yang lebih efektif dan efisien, penambahbaikan telah dilakukan, maka terhasillah Easy SBC Container.</p> <p>Pengubahsuaian yang telah dilakukan adalah seperti melabelkan botol Urine Stick dengan kod nombor dan pengenalan pesakit, memasukkan tiub spesimen darah plastik sebagai alat pemegang tiub kapilari dan menstabilkan tiub spesimen itu dengan meletakkan lapisan span tebal disekelilingnya.</p> <p><b>Bagi fasa ke 2 telah di tambah baik seperti berikut :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Mengemaskan EASY SBC Container dengan pembalut plastik,</li> <li>ii. Pelekat nama dan ic pesakit dikemaskan dengan lebih jelas.</li> <li>iii. Logo biohazard ditambahkan.</li> <li>iv. Pelapik plastik pada penutup diletakan bagi mengurangkan</li> </ol>	<p>Setelah perlaksanaan inovasi ini di dapati :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Tiada lagi kerosakan sampel SBC dilaporkan.</li> <li>ii. Secara tidak langsung, dengan terhasilnya inovasi ini juga masalah kekeliruan sampel SBC juga telah dalam diatasi.</li> <li>ii. Dengan adanya penggunaan label identifikasi pada bekas Easy SBC / Kad Bayi serta Kod pada penegndalian serum SBC di makmal dan di bilik prosedur menjadikan pengendalian serum SBC lebih efisien dan sekaligus meningkatkan keyakinan dan kepuasan pelanggan (ibubapa/waris) dalam sistem perkhidmatan kesihatan.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li><b>1. Penjimatan masa</b> Dengan terhasilnya inovasi EASY SBC Container ini, proses pengendalian serum SBC menjadi lebih sistematik dan mengurangkan insiden kekeliruan dan pertukaran sampel darah serta tiub kapilari pecah. Oleh itu, penjimatan masa dapat diperolehi kerana tiada lagi pengulangan proses pengendalian serum SBC.</li> <li><b>2. Pengurangan kos operasi</b></li> <li><b>3. Mengelakkan komplikasi penyakit jaundis neonatal</b></li> <li><b>4. Dapat menghindarkan Masalah medico-legal .</b></li> <li><b>5. Meningkatkan tahap produktiviti</b> Masalah kerosakan seperti tiub kapilari yang pecah dan sampel rosak telah dapat diatasi dengan terhasilnya inovasi ini. Tambahan pula, melalui inovasi ini, Klinik Kesihatan Kg Gial telah berjaya menghasilkan satu Manual Prosedur Kerja dan Garispanduan bagi mempertingkatkan proses pengendalilan serum SBC yang akhirnya telah</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Mendapat Pengiktirafan dari PKD dan JKN Perlis dan penggunaannya telah di selaraskan di KKIA negeri Perlis.</li> <li>ii. Memenangi Tempat Ke 3 dalam Konvensyen Kualiti &amp; Inovasi Peringkat Zon Utara</li> <li>iii. Menjadi Johan Kebangsaan Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan 2016</li> </ol>	

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

 <p>Tiub spesimen darah plastik</p> <p>Span tebal</p>     	<p>percikan sekiranya bekas EASY SBC terjatuh.</p> <p>v. Untuk pengendalian darah bagi pesakit yang berisiko tinggi, bekas khas EASY SBC dengan warna merah juga diperkenalkan.</p> <p>vi. Dihasilkan juga beg bagi memudahkan pengendalian proses sampel SBC yang diambil dirumah (bagi pesakit yang menghadapi masalah untuk datang ke klinik).</p> <p>vii. Untuk menjamin kelancaran proses pengendalian sampel SBC ini juga, Garis Panduan pengendalian Serum SBC di Bilik Prosedur dan Makmal juga dihasilkan.</p> <p>viii. Malah <b>Model of Good Practice Easy SBC Container</b> juga diperkenalkan bagi menjamin kawalan infeksi semasa/ dalam proses penggunaan Bekas Easy SBC.</p> <p>ix. Bagi memantapkan lagi proses pengendalian serum SBC ini, satu <b>Manual Prosedur Kerja di semua KKIA di negeri Perlis.</b></p>		<p>mendapat pengiktirafan dari Jabatan Kesihatan Negeri Perlis untuk diselaraskan penggunaannya ke seluruh klinik kesihatan negeri Perlis.</p> <p><b>6. Peningkatan tahap kepuasan pelanggan</b></p> <p>Tiada lagi pengulangan dalam proses pengendalian serum SBC menambahkan keyakinan ibu bapa terhadap perkhidmatan klinik.</p> <p><b>7. Penjimatan guna tenaga manusia</b></p> <p>Penggunaan inovasi ini adalah bersifat 'user friendly' dan penghasilannya amat mudah. Aplikasi inovasi ini telah menunjukkan perkembangan positif dalam proses pengendalian serum SBC kerana tiada lagi pengulangan pengambilan sampel darah yang perlu dilakukan.</p> <p><b>8. Lain-lain faedah</b></p> <p>Hasil dari keadaannya yang lebih stabil dan bersifat 'user friendly' ini, Easy SBC Container ini telah diadaptasikan penggunaannya bagi membantu proses pengambilan sampel darah SBC di rumah bagi pesakit yang menghadapi masalah kesukaran untuk datang ke klinik.</p>		<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>
---	--	--	---	--	---






## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

**KATEGORI PROSES**

**TEMPAT KEDUA**

**PROJEK : Mi'S Bite : Proses Denture Sebahagian Yang Cepat Dan Mudah**

**FASILITI : Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kemaman**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH/KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Dentur memainkan peranan penting terutama untuk kecantikan, pemakanan dan percakapan. Prosedur standard kerja (SOP) rawatan gigi palsu sebahagian memerlukan 19 langkah kritikal, 5 temujanji dan masa selama satu hingga tiga bulan. Proses yang panjang ini menyebabkan sebahagian pesakit merungut masa menunggu yang lama dan temujanji yang banyak.</p>	<p>Pesakit perlu menghadiri temujanji impresi sekunder dan merekod gigitan pada hari yang berlainan. Jarak masa setiap temujanji mengambil masa 1 – 2 minggu. Ini menyebabkan masa pembuatan dentur mengambil masa 1 hingga 3 bulan</p>	<p>Proses Denture Sebahagian Yang Cepat dan Mudah ini menggunakan inovasi Mi's Bite. Mi's Bite digunakan untuk merekod gigitan pesakit pada temujanji pertama di mana sebelum inovasi ia dilakukan pada temujanji ketiga. Mi'S Bite diperbuat daripada keluli tahan karat berketebalan 2mm</p>	<p>Pesakit hanya perlu menghadiri 3 kali temujanji untuk mendapatkan gigi palsu sebahagian yang berkualiti. Merekod gigitan akan dilakukan pada temujanji pertama dan temujanji percubaan dentur akan dilakukan bersama impresi sekunder. Masa dijamin sehingga 2 – 4 minggu.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Mengurangkan kos operasi – menjimatkan penggunaan lilin dan gas</li> <li>2) menjimatkan masa                     <ul style="list-style-type: none"> <li>- masa pesakit dijamin kepada 3 temujanji sahaja.</li> <li>- masa klinikal dijamin dengan hanya teknik baru yang cepat dan mudah</li> <li>- masa di makmal dijamin kerana tidak perlu membuat blok gigitan</li> </ul> </li> <li>3) meningkatkan tahap produktiviti – bilangan gigi palsu disiapkan dalam masa 2 bulan dapat dipertingkatkan.</li> <li>4) meningkatkan tahap kepuasan pelanggan. Pesakit lebih berpuas hati kerana tidak perlu berulang kali datang ke klinik dan tidak perlu berulang kali blok gigitan yang panas dimasukkan di dalam mulut</li> <li>5) penjimatan tenaga guna manusia                     <ul style="list-style-type: none"> <li>- Juruteknologi pergigian tidak perlu lagi membuat blok gigitan di dalam makmal</li> <li>- Pegawai pergigian boleh mendapatkan rekod gigitan dengan lebih cepat dan mudah</li> </ul> </li> </ol>	<p>Tempat ke – 3 Konvensyen Inovasi JKNT 2015 kategori proses, teknologi dan perkhidmatan</p> <p>2) Tempat ke – 2 Konvensyen Inovasi Kebangsaan KKM 2016 kategori proses</p>	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>
						
	<p style="text-align: center;"><b>Mi'S Bite</b></p>	<p style="text-align: center;"><b>Pelan Skematik Mi'S Bite</b></p>				

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

**KATEGORI PROSES**

**TEMPAT KETIGA**

**PROJEK : Penggunaan Perisian Excel Dalam Pengurusan Kemasukan Data Harian Pesakit, Statistik Dan KPI**

**FASILITI : Hospital Queen Elizabeth II, Jabatan Ortopedik, Sabah**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH/KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Susulan projek inovasi 2014 iaitu OT-Ergotable, di mana masalah kedua mempunyai skor tertinggi dalam proses “brain storming “ adalah masalah merekod, menjumlah, memantau pelaksanaan tugas pengurusan perkeranian statistik Unit Pemulihan Carakerja, maka projek kali ini adalah kesinambungan inovasi 2015.</p>	<p>Penggunaan kertas yang banyak. Penggunaan dan pengisian 4 jenis borang dalam satu .Kekurangan ruang /meja kerja untuk setiap individu. Masalah ruang dan penyimpanan dokumen / borang-borang statistik. Proses pengumpulan dan pengiraan data statistik terutamanya. Pemantauan adalah sukar kerana setiap terapis akan menyimpan rekod masing-masing. Terapis / staf terpaksa memperuntukan masa antara 1 hingga 3 hari setiap bulan untuk mengira statistik menjelang akhir bulan yang sepatutnya digunakan untuk merawat pesakit. Terdapat keciciran nama pesakit disebabkan pemantauan yang agak sukar dilakukan melalui kaedah manual (borang).</p>	<p><b>Great Excell</b> merupakan projek yang menggunakan perisian <i>Microsoft Excel</i> sebagai medium pengurusan sistem rekod data harian, bulanan, setengah tahun dan tahunan pesakit , statistik dan KPI (“Key Performance Index”).</p>	<p>Penggunaan kertas untuk mengisi statistik oleh setiap terapis adalah minima iaitu RM8.00 setahun. Dakwat yang digunakan adalah kurang daripada 2 roll, sekaligus menjimatkan RM200.00 untuk dakwat. Ruang penyimpanan doku men tidak padat seperti tahun sebelum penggunaan <i>Great Excell</i> . Penyelia dan terapis kurang membazirkan masa dalam mengira statistik setiap hujung bulan, dan terapis menjadi lebih fokus dalam memberikan rawatan kepada pesakit kerana tidak memikirkan beban statistik dihujung bulan. Keciciran nama pesakit tidak berlaku berbanding semasa pengisian statistik menggunakan kaedah manual (borang).Aduan berkenaan ruangan/meja untuk mengisi statistik telah diselesaikan dengan penggunaan <i>Great Excell</i>.</p>	<p>Kos kertas dan dakwat dapat diminimakan serta penjimatan masa untuk 13 kakitangan dalam pengiraan statistik dapat dikurangkan.Kesilapan proses pengumpulan dan pengiraan statistik juga dapat dielakkan. Pemantauan dan penyeliaan lebih mudah. Terapis dapat mengoptimakan masa untuk merawat pesakit. <b>Anggaran kos:</b> Kos <i>Great Excell</i> adalah RM 0. Inovasi ini hanya memerlukan komputer yang mempunyai perisian Microsoft Excel..</p>	<p>Anugerah Inovasi Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia 2016 Tempat Ke- 3</p> <p>Johan Anugerah Inovasi Peringkat Jabatan Kesihatan negeri Sabah 2016</p> <p>Johan Anugerah Inovasi Peringkat Hospital Queen Elizabeth II 2016</p>	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

<b>KATEGORI TEKNOLOGI</b>	<b>TEMPAT PERTAMA</b>
---------------------------	-----------------------

**PROJEK : Hospital SDR Sistem**  
**FASILITI : Hospital Kapit, Sarawak**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH/KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Hospital Kapit, Sarawak merupakan Hospital Berpakar Minor (Kategori B) dengan 134 katil.</p> <p>Ia merupakan sebuah Hospital Daerah untuk seluruh Bahagian Kapit, yang mempunyai keluasan hampir sama dengan negeri Pahang.</p> <p>Hospital Kapit menerima kemasukan 5500 pesakit setahun (15-20 kes sehari).</p> <p>Tambahan pula, Sarawak mempunyai sistem kad pesakit luar disimpan oleh pesakit sendiri.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Masa yang lama untuk kemasukan, discaj dan rujukan disebabkan dokumentasi berulang</li> <li>2. Ketiadaan akses rekod pesakit selepas waktu pejabat (dari pejabat Unit Rekod)</li> <li>3. Kehilangan atau ketiadaan kad pesakit luar semasa menerima rawatan di Hospital Kapit – melambatkan proses rawatan jika rekod tersebut perlu diambil secara manual dari Unit Rekod</li> <li>4. Tulisan kurang jelas</li> <li>5. Tiada sistem elektronik untuk mengurus rekod pesakit</li> </ol>	<p>Sistem ADR menggunakan laman sesawang yang berpusat di Hospital Kapit (sistem Intranet) dan hanya boleh diakses di dalam Hospital Kapit. Setiap pengguna (user) diberi ID dan kata laluan sendiri.</p> <p>Setiap pesakit diberi MRN (Master Registration Number) yang mewakili pesakit tersebut sepanjang hayat dalam sistem ADR. Setiap kemasukan pesakit tersebut akan menggunakan MRN yang sama.</p> <p>Butir-butir kemasukan pesakit akan dimasukkan di dalam sistem mengikut format yang disediakan, dan borang kemasukan akan dijanakan oleh sistem untuk dicetak. Begitu juga untuk surat rujukan dan borang-borang discaj.</p> <p>Butir-butir kemasukan pesakit yang terdahulu boleh dicapai terus dari sistem ini.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kemasukan, discaj dan rujukan ke hospital lain boleh dicapai dalam masa kurang dari 30 minit</li> <li>2. Mengakses rekod pesakit menjadi cepat dan mudah (&lt;10 minit) – berbanding dengan mengambil rekod tersebut di Unit Rekod (&gt; 2 jam)</li> <li>3. Ralat tulisan daripada tulisan yang kurang jelas dielakkan</li> <li>4. Bebanan yang kurang kepada para doktor yang menggunakan sistem ini – pengurangan dokumentasi yang berulang.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kos rendah – menggunakan Open Source Solution (OSS) dan pelayan (server) adalah diwakafkan daripada JKN Sarawak</li> <li>2. Sistem rekod yang cekap, teratur dan mudah dicapai</li> <li>3. Potensi untuk dijadikan penyelidikan dan registri</li> <li>4. Mengurangkan kesilapan dari segi pelan perubatan yang disebabkan tulisan kurang jelas</li> </ol>	<p>Naib Johan – Hari Inovasi Negeri Sarawak 2015</p> <p>Johan – Anugerah Inovasi KKM 2016: Kategori Teknologi</p>	<p style="text-align: center;">Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

**KATEGORI TEKNOLOGI**

**TEMPAT KEDUA**

**PROJEK : Sistem Pengurusan Credentialing & Privileging**

**FASILITI : Hospital Selayang, Selangor**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH / KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Selari dengan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia pada 2001, Hospital Selayang telah mengarahkan semua pengamal perubatan dan kesihatan bersekutu mendapatkan perakuan (<i>privileged</i>) dari segi pengetahuan dan kemahiran sebelum menjalankan prosedur/kaedah rawatan ke atas pesakit bagi mengelak implikasi yang tidak diingini. Namun, proses <i>Credentialing</i> dan <i>Privileging</i> sedia ada mempunyai beberapa kekangan. Sehubungan itu, pihak hospital telah mewujudkan satu <b>Sistem e-Privileging Hospital Selayang (ePriv)</b> secara atas talian bagi menambah baik proses sedia ada.</p>	<p>i. Peringkat Pengamal Perubatan – kesukaran mengisi borang yang kompleks, kelewatan menghantar borang dan tidak peka dengan tarikh luput menyebabkan 14% pengamal perubatan (sehingga Julai 2015) masih belum mempunyai <i>privilege</i>;</p> <p>ii. Peringkat Ketua Jabatan/Wakil Jabatan – kesukaran memantau dan menyemak status <i>privileging</i> pengamal perubatan yang menjalankan prosedur di jabatan masing-masing pada kadar segera menyebabkan potensi medico-legal oleh pengamal perubatan yang tidak mempunyai <i>privileged</i> menjalankan sesuatu prosedur meningkat;</p> <p>iii. Peringkat Unit Sumber Manusia (<i>Admin</i>) - kesukaran untuk memantau tarikh tamat tempoh <i>Privileging</i> bagi Pengamal Perubatan dan kesukaran menyediakan laporan dengan cepat dan tepat menyebabkan pengurusan <i>Credentialing and Privileging</i> tidak sistematik; dan</p> <p>iv. Peringkat Pesakit - Mempunyai rasa selamat apabila ingin menjalani prosedur.</p>	<p>Sistem <b>ePriv</b> ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Pelan Tindakan Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor yang menggariskan keperluan sebanyak <b>100% Pakar Perubatan, 80% Pegawai Perubatan, 80% Paramedik dan 80% Kesihatan Bersekutu</b> perlu diberi <i>privilege</i>. Bertemakan <b>safety, monitoring and achievement</b>, objektif projek inovasi ini secara umum ialah:</p> <p>i. Mengurangkan potensi medico legal oleh pengamal perubatan yang tidak mempunyai <i>privilege</i> melalui konsep <b>assume to assure</b>;</p> <p>ii. Memudahkan proses pemantauan dan semakan status <i>Credentialing</i> dan <i>Privileging</i> pengamal perubatan oleh Ketua Jabatan/wakil Jabatan, Unit Sumber Manusia (<i>Admin</i>) dan pengamal perubatan; dan</p> <p>iii. Memudahkan pengurusan proses <i>Credentialing</i> dan <i>Privileging</i> dan penyediaan laporan oleh Unit Sumber Manusia (<i>Admin</i>).</p>	<p>Pengamal Perubatan mengisi secara atas talian dan dihantar melalui sistem <b>ePriv</b>;</p> <p>Ketua Jabatan/Wakil Jabatan dapat menyemak status privileging secara atas talian;</p> <p>Laporan statistik data privileging dapat dijana pada kadar segera; dan</p> <p>Potensi medico legal oleh pengamal perubatan tidak mempunyai privileged adalah rendah.</p>	<p>Penjimatan masa permohonan, pemrosesan dan penghasilan laporan;</p> <p>Penjimatan sumber manusia dan proses kerja;</p> <p>Peningkatan hasil kerja dan imej jabatan dan Hospital;</p> <p>Pengurangan kos operasi; dan</p> <p>Peningkatan kepuasan hati pekerja dan pelanggan.</p>	<p>Naib Johan Karnival Inovasi Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) Tahun 2015</p> <p>Naib Johan Anugerah Inovasi Peringkat Kebangsaan KKM Tahun 2016</p>	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

<b>KATEGORI TEKNOLOGI</b>	<b>TEMPAT KETIGA</b>
---------------------------	----------------------

**PROJEK :Methasys**  
**FASILITI :PKD Kuala Muda**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH/KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>MethaSys adalah sistem yang mempermudah dan mempercepat pengurusan metadon secara keseluruhannya bagi farmasi</p>	<p><b>Masalah sebelum projek inovasi :</b> Hasil kajian terhadap klien metadon mendapati ramai tidak berpuas hati dengan masa menunggu di Farmasi Metadon terutamanya jika pegawai daripada klinik lain dalam Daerah Kuala Muda bertugas sehingga mempengaruhi kerja mereka malahan ada yang menunggu sehingga 30 minit. Antara faktor penyumbang adalah Pegawai Farmasi sukar mengidentifikasi klien selain kekurangan kakitangan untuk menjalankan Klinik Metadon yang melibatkan pelbagai prosedur secara manual dengan berkesan.</p> <p><b>Keadaan sebelum inovasi:</b> Penyediaan, pendispensan, perekodan dan laporan metadon dijalankan secara manual melibatkan 11 jenis rekod keseluruhannya. Proses mengidentifikasi pesakit juga hanya bergantung kepada kad pesakit semata-mata</p>	<p>Methasys merupakan satu pangkalan data laman sesawang di mana setiap pengguna akan memasukkan ID dan kata laluan mereka sendiri dan data klien dapat diakses dengan mengimbas kod bar pada kad klien yang terus memaparkan gambar, dos dan status terkini klien. Secara ringkasnya ia terbahagi kepada 6 bahagian iaitu 'Announcement', 'Scan', 'Log', 'Maintainence', 'SPUB/M1M' dan 'Report' dimana kesemuanya merangkumi sistem penyediaan, pendispensan, perekodan dan laporan metadon</p>	<p>Methasys mampu memantau stok metadon yang digunakan dimana formatnya juga selaras dengan keperluan akta semasa. Proses penyediaan, pendispensan, perekodan dan juga laporan metadon kini dilakukan secara bersistem tanpa melibatkan proses secara manual. Proses mengidentifikasi klien semasa pendispensan juga dapat dilakukan dengan pantas dan tepat dimana pengguna hanya perlu mengimbas kod bar yang spesifik bagi setiap klien. Laporan bulanan metadon juga dapat disediakan dengan pantas dan tepat dengan hanya perlu menekan butang laporan bulanan pada sistem Methasys.</p>	<p>MethaSys berjaya mengurangkan masa pendispensan kepada 60 saat dan masa menunggu kepada 10 minit. Bilangan rekod manual dikurangkan kepada 4 iaitu preskripsi pesakit, rekod administrasi, SPUB dan M1M. Tahap kepuasan klien juga meningkat dari 91.4% kepada 97.8% manakala 92.3% pegawai tidak lagi menghadapi masalah untuk mengidentifikasi klien. Penggunaan staff juga dapat diminimalkan</p>	<p>Finalist KIK farmasi kebangsaan                      Ke dua teknologi kik negeri kedah                      Ke 3 KIK kebangsaan KKM</p>	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

**KIK PENGURUSAN**

**TEMPAT PERTAMA**

**PROJEK : LAMBAKAN UBAT YANG TIDAK TERURUS DI FARMASI KLINIK PAKAR HOSPITAL SERDANG  
FASILITI : HOSPITAL SERDANG**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH/KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Program Pemulangan Ubat dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sejak Tahun 2010 telah berjaya meningkatkan kesedaran ramai pesakit memulangkan ubat ke farmasi. Statistik turut menunjukkan pertambahan ubat pulangan yang diterima di Farmasi Klinik Pakar dari Tahun 2012 hingga 2014 (meningkat sehingga 369%).</p>  	<p>Peningkatan pemulangan ubat secara mendadak ini menjejaskan imej Jabatan Farmasi disebabkan ianya bersepah di atas kaunter selain lambakan ubat pulangan yang tidak terurus di bilik transit ubat Farmasi Klinik Pakar.</p> <p>Punca-punca Utama Masalah adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Anggota farmasi kurang mahir dalam pengurusan ubat pulangan</li> <li>Pesakit/pelanggan pulang ubat secara pukal</li> <li>Kotak pemulangan ubat kerap penuh dan bersepah</li> <li>Bakul asing ubat berserabut dan kurang efisien</li> <li>Proses pengurusan ubat pulangan mengambil masa yang lama</li> <li>Prosedur kerja tidak jelas. Pengurusan ubat pulangan tidak konsisten</li> </ol>	<p><b>1. CASFAMS BIN</b> untuk kegunaan pesakit dengan berkonsepkan kitar semula, bersaiz besar dan memiliki tiga bahagian utama yang berlainan warna iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Hijau: tablet/kapsul</li> <li>Kuning: inhaler / cecair / sapu/lain-lain</li> <li>Merah: ubat yang telah rosak/ luput tarikh</li> </ul> <p>pembahagian ini bertujuan meningkatkan kesedaran pesakit tentang pemeriksaan tarikh luput ubat serta menjimatkan masa proses pengasingan ubat pulangan</p> <p><b>2. EASYSORT TRAY</b> untuk kegunaan anggota farmasi mengasingkan ubat mengikut kategori farmakologi, memudahkan urusan rekod dan penyimpanan semula ubat.</p> <p><b>**Kedua-dua produk inovasi ini menggunakan bahan kitar semula (kayu pallet</b></p>	<p>1.Peratusan ubat pulangan yang diuruskan didapati meningkat dari 20% kepada 100% pada setiap minggu dan lambakan ubat dapat diuruskan sepenuhnya. 2. Berjaya menjimatkan masa dan tenaga kerja dalam keseluruhan proses pengurusan ubat pulangan 3.Projek ini menyumbang kepada penyampaian perkhidmatan farmasi yang bertambah baik 4.Pembaziran ubat dapat dikurangkan.</p> 	<p><b>1.Pengurusan Kos Operasi:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Penjimatan kos sebanyak RM3,450 untuk pembinaan dua kotak pemulangan ubat <i>CASFAMS Bin</i> berbanding dengan produk komersial.</li> <li>Penjimatan kos sebanyak RM118.40 untuk proses pengasingan ubat dengan menggunakan <i>EasySort Tray</i>.</li> </ol> <p><b>2.Penjimatan Masa:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Purata masa proses pengasingan ubat menurun sebanyak 44%, iaitu daripada 180 minit kepada 100 minit.</li> <li>Purata masa keseluruhan proses pengurusan ubat pulangan menurun sebanyak 41%, iaitu daripada 305 minit kepada 180 minit.</li> </ol> <p><b>3.Peningkatan Hasil Kerja:</b> Tenaga kerja menurun sebanyak 50%</p> <p><b>4.Peningkatan Tahap Kepuasan Hati Pelanggan:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Anggota farmasi rasa lebih seronok dan lebih bermotivasi untuk menguruskan ubat pulangan pesakit.</li> <li>Pesakit berpuas hati dan berasa lebih mudah untuk memulangkan ubat yang tidak digunakan lagi di rumah ke farmasi kerana telah mengetahui lokasi dan cara</li> </ol>	<p>Anugerah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam - Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam pada 13-15 November 2016 di MITC Melaka</p> <p>Johan (Kategori Pengurusan) - Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan KKM 6-8 September 2016 di The Regency Hotel KL</p> <p>Anugerah Emas Konvensyen Team Excellence (Wilayah Tengah) -- Malaysia Productivity Corporation (MPC) pada 26-27hb OGOS 2015 di Sunway Putra Hotel Kuala Lumpur</p> <p>Anugerah Emas 2</p>	

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

		<p>dan polistirena) yang terpakai dan mudah didapati di Jabatan Farmasi.</p>  		<p>penyisihan ubat yang betul.</p> <p><b>5.Faedah-Faedah Lain:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan ubat pulangan yang konsisten dan sistematik telah membantu menyelamatkan ubat yang boleh diguna semula, secara tidak langsung mengurangkan kos pembelian ubat. Terdapat peningkatan serapan semula kos perbelanjaan ubat pada tahun 2015 iaitu RM110,148.24 berbanding pada tahun 2013 iaitu RM31,215.87 dengan perbezaan sebanyak RM 78,932.37.</li> <li>- Anggota farmasi mempunyai lebih masa fokus pada perkhidmatan kaunter dan kualiti perkhidmatan farmasi di Farmasi Pesakit Luar. Peratusan pesakit menerima ubat dalam masa 30 minit meningkat 8.3% dari tahun 2013 ke 2015. Perkhidmatan kaunseling individu juga meningkat sebanyak 333%.</li> <li>- Penerapan konsep mesra alam dengan penggunaan bahan kitar semula yang sedia ada di Jabatan Farmasi untuk pembinaan produk inovasi.</li> </ul>	<p>Bintang Konvensyen Team Excellence (Peringkat Kebangsaan) - Malaysia Productivity Corporation (MPC) pada 2-4hb November 2015 di Sunway Pyramid Covention Centre (SPCC)</p> <p>Johan (Kategori Pengurusan) – Karnival Inovasi Negeri Selangor pada 4 November 2014 di Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam</p>	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>
---	---	--	--	---	---	---

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

**KIK PENGURUSAN**

**TEMPAT KEDUA**

**PROJEK : PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN SARINGAN PAP SMEAR  
FASILITI : KLINIK KESIHATAN PENAMPANG, SABAH**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH / KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Pap Smear adalah ujian saringan yang dijalankan untuk penyakit kanser pangkal rahim/serviks. Ujian ini mampu mengenalpasti perubahan awal sel-sel kanser yang ada pada pangkal rahim/serviks membolehkan rujukan dan rawatan awal dibuat di hospital pakar. Isu yang timbul adalah kedatangan pelanggan untuk membuat ujian saringan ini adalah kurang. Ini mungkin disebabkan oleh perasaan takut dan juga kurang informasi yang diberikan kepada pelanggan. Sekiranya isu ini tidak diselesaikan, jumlah pesakit yang menghidap kanser pangkal pada tahap yang lebih teruk semakin meningkat kerana penyakit ini tidak dikenal pasti dengan lebih awal melalui saringan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tiada alat demonstrasi</li> <li>2. Staf terikat dengan SOP lama</li> <li>3. Pelanggan kurang pengetahuan</li> <li>4. Staf kurang pengetahuan dan kemahiran</li> <li>5. Komunikasi kurang berkesan</li> <li>6. Pemantauan pencapaian saringan pap smear kurang memuaskan</li> <li>7. Kurang aktiviti promosi</li> </ol>  	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mencipta alat demonstrasi Pap Smear OVE; membolehkan penerangan tentang prosedur Pap Smear yang lebih visual dan berkesan, dibuat daripada bahan kitar semula, dibuat dalam dua versi untuk kegunaan staf dan pelanggan, juga disertakan dengan beg pengguna khas dan modul pengguna.</li> <li>2. Mengemaskini carta alir proses kerja dalam fail meja anggota kesihatan</li> <li>3. Memberi pendidikan kesihatan secara berkumpulan dan berjadual</li> <li>4. Membuat bahan pendidikan yang lebih informative (OVE-flip)</li> <li>5. Mengadakan sesi CME untuk anggota kesihatan</li> <li>6. Menyediakan senarai semak pendidikan kesihatan Pap Smear</li> <li>7. Membangunkan sistem pemantauan prestasi Pap Smear (MyPapS); membolehkan pemantauan pencapaian saringan dengan lebih sistematik di kalangan staf</li> <li>8. Mengadakan tempat letak risalah di tempat awam</li> </ol>	   	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengurangan kos rawatan; RM950(87%) untuk warganegara, RM99,995(94.88%) untuk bukan warganegara.</li> <li>2. Penjimatan kos operasi; RM2041.20(84.90%) dalam setahun</li> <li>3. Peningkatan output/hasil kerja; 35.67% peningkatan kedatangan pelanggan untuk saringan pap smear selepas cadangan penyelesaian.</li> <li>4. Penjimatan sumber manusia; daripada 80 orang staf kepada 4 orang sahaja dalam sebulan</li> <li>5. Peningkatan tahap kepuasan pelanggan Melalui penanda arasan dan perbandingan dengan Gynecological Diagnostic Training Manikin, Model Demonstrasi Pap Smear OVE mempunyai kekurangan dari segi jenis bahan yang digunakan, alat ganti yang tersedia dan keserbagunaan. Penambahbaikan akan dibangunkan dari aspek tersebut.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tempat ketiga kategori pengurusan dalam Pertandingan KIK peringkat JKN Sabah 2016</li> <li>2. Tempat kedua kategori pengurusan dalam Persada Inovasi KKM 2016.</li> <li>3. Tempat pertama dalam Pertandingan Inovasi Peringkat Pejabat Kesihatan Kawasan Penampang 2016.</li> </ol>	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>





## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

<b>KIK TEKNIKAL</b>	<b>TEMPAT PERTAMA</b>
---------------------	-----------------------

**PROJEK : Peningkatan Kes Tertusuk jarum Suntikan semasa Rawatan Pergigian di Klinik Pergigian Negeri Perlis**  
**FASILITI : Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Negeri Perlis**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH / KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Anggota kesihatan adalah berisiko terdedah kepada hazard pekerjaan seperti risiko tercucuk jarum suntikan. Kejadian ini mendedahkan anggota kesihatan kepada risiko penularan patogen darah berbahaya seperti Hepatitis B, Hepatitis C dan HIV. Risiko tercucuk jarum suntikan dikalangan anggota kesihatan pergigian adalah tinggi sama ada di klinik ataupun hospital. Buktinya pada setiap tahun, terdapat kes yang melibatkan tusukan jarum suntikan dikalangan anggota Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Perlis.</p>	<p>Proses kerja pengendalian jarum suntikan sebelum inovasi melibatkan Pembantu Pembedahan Pergigian untuk pemasangan jarum suntikan kepada picagari menggunakan tangan. Langkah ini, nampak mudah dan menjimatkan masa, tetapi sedikit kecuaiian boleh mengakibatkan risiko tertusuk jarum suntikan tersebut. Biasanya picagari jenis guna semula digunakan di Klinik Pergigian untuk menyuntik pesakit bagi beberapa rawatan pergigian seperti cabutan, pembedahan dan lain-lain. Picagari ini perlu disteril untuk digunakan berulang kali. Jarum suntikan pakai buang akan dipasang di pacagari sebelum digunakan untuk rawatan pergigian.</p>	<p>Satu alat yang dinamakan "Safe Needle Remover" (SNR) telah dicipta bertujuan untuk menambahbaik proses pemasangan dan pembuangan jarum suntikan sebelum dan selepas rawatan supaya lebih selamat dan efisien. SNR diperbuat daripada besi yang dibentuk menjadi satu komponen lengkap untuk memasang, menanggal, memegang dan membuang jarum suntikan. Menggabungkan fungsi 'needle recaper' dan 'plier' sedia ada sebagai alat untuk menutup semula jarum suntikan semasa proses penggunaan dan semasa proses pembuangan jarum suntikan. SNR juga berperanan untuk menggantikan penggunaan secara manual semasa proses pemasangan dan pembuangan jarum suntikan di klinik pergigian.</p>	<p>Selepas inovasi, risiko jangkitan silang akibat risiko tertusuk jarum dapat dielakkan. Penggunaan SNR lebih selamat kerana jarum suntikan tidak berpindah tangan dan pengendali yang berbeza dapat dielakkan. Proses pengendalian jarum suntikan lebih selamat dan risiko penutup jarum tergelincir semasa membuang jarum dihapuskan. Proses pengendalian jarum dengan SNR hanya melibatkan seorang anggota sahaja. Satu alat digunakan untuk ketiga-tiga proses kerja iaitu proses memasang, mengguna dan membuang jarum supaya proses kerja menjadi lebih selamat. SNR berfungsi sebagai 'needle recaper' dan sebagai playar yang dapat mengelakkan sentuhan tangan secara langsung ke atas jarum suntikan.</p>	<p>Inovasi ini telah mencetuskan banyak faedah iaitu proses pemasangan dan pembuangan jarum suntikan menjadi lebih baik sekaligus dapat mengurangkan risiko jangkitan silang. SNR berfungsi secara manual dan tidak melibatkan penyelenggaraan. Bahan-bahan yang digunakan adalah murah dan mudah didapati. Alat ini adalah selamat dan efisien digunakan sama ada oleh Perawat ataupun pembantunya. Dengan SNR, jarum suntikan yang digunakan dapat dibuang oleh perawat sendiri. Alat ini mudah dibawa dan dikendalikan kerana saiznya yang kecil. Ia tidak perlu disteril kerana tiada sentuhan dengan mukosa, dan hanya perlu disinfeksi.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Johan Kategori Teknikal dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat KKM 2016</li> <li>2) Penyampai Terbaik Kategori Teknikal dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat KKM 2016</li> <li>3) Johan Kategori Teknikal dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Perlis 2016</li> <li>4) Pameran Terbaik dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Perlis</li> <li>5) Anugerah Ketua Setiausaha Negara bagi Kategori Teknikal dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan 2016</li> <li>6) Anugerah Eureka dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan 2016.</li> </ol>	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

KIK TEKNIKAL	TEMPAT KEDUA
--------------	--------------

**PROJEK : Kesukaran Melakukan Pemeriksaan Rongga Mulut, Di Jabatan Kecemasan & Trauma**  
**FASILITI : Hospital Kuala Krai (KUMPULAN G is T)**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH / KELEMAHAN PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>Pemeriksaan rongga mulut, merupakan pemeriksaan rutin pada pesakit yang mengalami jangkitan saluran pernafasan atas, yang mengadu masalah di dalam rongga mulut. Sumber cahaya yang terang amat penting untuk pemeriksaan ini, samada dari lampu suluh ataupun "head-light". Spatula adalah antara alatan lain yang digunakan bersama semasa pemeriksaan rongga mulut. Penggunaan "head-light" adalah terhad kerana harganya yang mahal. Penggunaan kedua-dua alat ini menyebabkan kesukaran kepada pemeriksa kerana kedua-dua belah tangan digunakan untuk memegang alatan ini. Kesannya, pemeriksa akan mengalami kesukaran, mengambil masa yang lama dan memerlukan bantuan daripada kakitangan lain.</p>	<p>Kesukaran pemeriksaan mulut terjadi apabila sumber cahaya yang digunakan tidak cukup terang. Kerap kali kesukaran dihadapi oleh pemeriksa apabila saiz lampu suluh terlalu besar dan cahaya lampu suluh yang tidak fokus ke dalam rongga mulut.</p> <p>Pemeriksaan dijalankan dengan menggunakan lampu suluh dan 'tongue depressor'. Pemeriksa perlu memegang lampu suluh pada satu tangan dan 'tounge depressor' pada satu tangan yang lain.</p> <p>Ini menyukarkan pemeriksa untuk membuat prosedur semasa pemeriksaan. Seorang pembantu diperlukan untuk memegang lampu suluh.</p>	<p><b>BULLET LIGHT KOMPONEN:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Lampu LED-</b> Sebagai sumber cahaya.</li> <li>2. <b>Bateri</b> - Saiz kecil, kapasiti 12 volt. Sumber tenaga kepada lampu</li> <li>3. <b>Casing</b> - Penutup lampu mudah dicuci. Terbuat daripada bahan plastic. Sebagai pelindung komponen dalaman.</li> <li>4. <b>Klip</b> - Untuk memegang lampu dan disambungkan ke 'tonge spatula'</li> <li>5. <b>Wayar</b> - Sebagai sambungan bateri, lampu LED dan suis.</li> <li>6. <b>Perintang</b> - Menghadkan arus dalam litar elektronik.</li> <li>7. <b>Suis</b> - Menyambung dan memutuskan aliran arus dalam litar.</li> </ol> <p><b>CIRI-CIRI KESELAMATAN BULLET LIGHT</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai penutup untuk memudahkan proses menyahkuman</li> <li>2. Casing tidak mudah pecah</li> <li>3. Mempunyai sokongan klip yang kukuh untuk mengelakkan alat terjatuh</li> <li>4. Saiz lebih kecil dan ringan</li> </ol>	<p>Pakar perubatan, pegawai perubatan dan pembantu pegawai perubatan dapat melakukan pemeriksaan lebih lancar.</p> <p>Bullert Light senang digunakan keran bersaiz kecil, tidak menghalang pandangan, tidak memerlukan bantuan staf sokongan dan pencahayaan lebih fokus.</p> <p>Rawatan yang lebih cepat dapat diberikan kepada pesakit. Penjimatan masa dari 10 minit kepada 5 minit.</p> <p>Rawatan dan prosedur dapat diberikan di peringkat jabatan kecemasan. Pesakit tidak perlu dirujuk ke jabatan ORL untuk</p>	<p><b>Pengurusan Kos Operasi:</b>                      Harga seunit Head-Light ialah sebanyak RM3680.00, sementara harga Bullet Light ialah sebanyak RM16.60. Penjimatan kos sebanyak RM3673.40 berjaya tercapai</p> <p><b>Penjimatan Masa:</b>                      Penjimatan masa dapat mengurangkan jangkamasa kesengsaraan pesakit dan masa menunggu pesakit lain. Selain itu pemeriksa dan staf sokongan juga mempunyai masa yang lebih untuk menfokuskan kepada pesakit yang lebih kritikal.</p> <p><b>Peningkatan Hasil Kerja:</b>                      Hasil kerja kakitangan Jabatan Kecemasan dan Trauma menjadi lebih baik dalam pemeriksaan rongga mulut. Pemeriksaan yang efisien dapat menghasilkan diagnosis pesakit yang lebih tepat dan rawatan dapat diberikan dengan lebih cepat dan berkesan. Selain itu, staf Jabatan Kecemasan juga mempunyai banyak masa untuk kes-kes yang lebih memerlukan rawatan</p>	<p>Juara Kategori Teknikal Konvensyen Kik Hospital-Hospital Daerah Kelantan 2015</p> <p>Juara Kategori Teknikal Konvensyen Kik Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan 2015</p> <p>Juara Kategori Teknikal Konvensyen Kik Sektor Awam Negeri Kelantan 2015</p> <p>Najib Johan Kategori Teknikal Majlis Persana Inovasi Perkhidmatan Awam 2016 Kementerian Kesihatan Malaysia</p>	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016






	<p>Untuk pesakit kanak-kanak, pemeriksa akan dibantu oleh 2 orang pembantu untuk memegang badan, menstabilkan kepala dan memegang lampu suluh.</p> <p>“Head-light” juga boleh digunakan sebagai alternatif sumber cahaya kepada lampu suluh dimana penggunaannya adalah lebih mudah kerana tidak perlu dipegang.</p> <p>Walau bagaimanapun, bilangannya terhadap kerana harganya yang mahal. Penggunaan yang berlebihan menyebabkan mentolnya perlu selalu ditukar dan ‘rechargeable’ baterinya mudah rosak. Ini meningkatkan kos penyelenggaraan .</p> <p>Penggunaan ‘head-light’ juga tidak menjadi pilihan bagi pemeriksa wanita bertudung dan memakai baju tidak berpocket kerana ‘head-light’ dikatakan merosakkan tudung yang dipakai dan pemeriksa terpaksa memegang bateri pada sebelah tangan, sekaligus menyukarkannya membuat prosedur.</p>	<p>5. Bateri tahan lama</p>	<p>dapatkan rawatan</p>	<p>rapi di zon merah dan kuning.</p> <p><b>Peningkatan Tahap Keuasan Hati Pelanggan:</b> Proses pemeriksaan yang lancar membolehkan pesakit mendapat diagnosis dengan cepat. Selain itu, mempercepatkan proses rawatan kepada pesakit seterusnya mengurangkan masa menunggu pesakit. Tambahan pula, pesakit tidak perlu dihantar ke Klinik ORL sekiranya diagnosis dan rawatan dapat dilakukan di Jabatan Kecemasan. Faedah projek ini juga dapat meningkatkan keyakinan diri pesakit terhadap mutu perkhidmatan kakitangan.</p> <p><b>Faedah-Faedah Lain :</b> Projek ini juga dapat memberi faedah kepada kakitangan Hospital, terutama kepada kakitangan Jabatan Kecemasan &amp; Trauma dimana ia memudahkan kakitangan melakukan pemeriksaan rongga mulut. Selain itu, dapat meningkatkan keyakinan diri kakitangan di dalam mengendalikan pesakit yang memerlukan pemeriksaan rongga mulut.</p>		
--	--	-----------------------------	-------------------------	--	--	--

## RINGKASAN PROJEK PEMENANG ANUGERAH INOVASI DAN ANUGERAH KIK 2016

**KIK TEKNIKAL    TEMPAT KETIGA**

**PROJEK : Mobile Personal Care Station (MPCS)**

**FASILITI : Unit Pemulihan Carakerja, Hospital Pulau Pinang,**

PENDAHULUAN	MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI	PENERANGAN PROJEK INOVASI	KEADAAN SELEPAS INOVASI	FAEDAH PELAKSANAAN INOVASI	ANUGERAH / PENCAPAIAN YANG TELAH DIPEROLEHI	SYOR JK PANEL PENILAI
<p>MPCS merupakan alat berkaitan secara langsung pemulihan dan penjagaan kesihatan aspek aktiviti asas kehidupan harian pesakit yang terlantar di atas katil, pesakit berpenyakit kronik, golongan orang kurang upaya, orang kehilangan keupayaan kekal (amputasi), warga emas yang bermasalah ambulasi/transfer berdikari.</p> <p>MPCS merupakan ciptaan asli alat pemulihan terapi aktiviti seharian, dengan satu harapan untuk memberi perkhidmatan penjagaan kesihatan yang terbaik dalam sistem perubatan dan kesihatan rakyat Malaysia.</p> <p>MPCS menaruh harapan agar dapat menjadi produk berteknologi tempatan yang dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat merajui kualiti hidup.</p>	<p>Prosedur pengurusan terapi kerja yang panjang.10 langkah terlibat untuk menjalankan aktiviti asas kebersihan diri.</p> <p>Tidak ada keseragam penggunaan kemudahan alat untuk lakukan terapi aktiviti asas kebersihan diri untuk pesakit yang terlantar di atas katil.</p> <p>Menggambil masa yang panjang 1 jam untuk menguruskan aktiviti asas kebersihan diri.</p> <p>Melibatkan lebih dari 3 orang anggota untuk menguruskan aktiviti kebersihan asas pesakit yang terlantar di atas katil.</p> <p>Memerlukan kos /peruntukan yang tinggi import alat yang bukan cirikan cara hidup tempatan.</p>	<p>M= Mobile / bergerak/dialih tempat P= Personal / klien fokus C= Care/ penjagaan dan "empathy" S= Station / tempat serba guna dalam 1 alat dan penjimatan ruang.</p> <p>MPCS boleh digerakkan ke sisi pengguna dengan penggunaan keluasan tempat yang terhad.</p> <p>MPCS dilengkapi dengan kemudahan keperluan kebersihan asas seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- cuci rambut</li> <li>- berus gigi</li> <li>- cukur</li> <li>- kumur mulut</li> <li>- lap muka</li> <li>- cuci kaki</li> <li>- cuci tangan</li> <li>- cuci selepas kencing / berak</li> </ul> <p>MPCS boleh digunakan oleh pesakit sendiri atau penjaga.</p>	<p>10 Langkah pengurusan terapi kebersihan asas di kurang kepada 5 langkah.</p> <p>Penggunaan tenaga manusia dikurangkan dari 3 ke 1.</p> <p>2. Masa terapi kebersihan diri dikurangkan dari 1 jam ke 20 -30 minit.</p> <p>4.Empower pesakit dan penjaga untuk aktiviti asas kebersihan diri.</p> <p>5. Lebih dari 6 aktiviti dapat dijalankan dengan penggunaan 1 alat MPCS.</p>	<p>Masih ada ruang penambahbaikan untuk MPCS samada reka bentuk dan accessory.</p>   	<p>1. Juara KIK Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.</p> <p>2. Tempat ke 3 Peringkat Kebangsaan KKM 2016.</p>  	<p>Cadangan Bahagian yang bertanggungjawab:</p>